

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

ATP202 - Pengurusan Pemasaran

Tarikh: 14 April 1987 Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

JAWAB SEMUA SOALAN DARI BAHAGIAN A DAN PILIH DUA
SOALAN DARI BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

Soalan 1

YEO HIAP SENG, pemimpin pasaran minuman dalam pek sedang menghadapi persaingan yang hebat dari pesaing-pesaingnya. Anda sebagai Pengarah Unit Pemasaran telah dipertanggungjawab untuk membentuk strategi bagi YEO HIAP SENG. Selaku pemimpin pasaran apakah strategi yang anda boleh cadangkan untuk syarikat ini.

(30 markah)

Soalan 2

Penyakit AIDS sedang merebak di negara-negara barat dan juga jiran-jiran kita seperti negeri Thai dan Filipina. Sebagai Ketua Pengarah Filem Negara, anda dipertugaskan untuk menyebarkan maklumat tentang penyakit AIDS kepada masyarakat. Bincangkan strategi anda dalam setiap keputusan-keputusan pengiklanan tentang AIDS ini.

(30 markah)

...2/-

BAHAGIAN B

Soalan 3

Komponen yang penting sekali dalam proses kawalan strategik adalah odit pemasaran. Bincangkan ciri-ciri dan tujuan konsep ini dengan mengaitkan kepada sesuatu syarikat pilihan anda.

(20 markah)

Soalan 4

Anda ingin membuka sebuah restoran di Bandaraya Kuala Lumpur. Anda ~~sedar~~ bahawa "kawalan pemasaran" akan menjamin kejayaan perniagaan kelak. Bagaimanakah anda boleh menggunakan kaedah-kaedah kawalan pemasaran dalam pengurusan sesebuah restoran.

(20 markah)

Soalan 5

Sate Ria sedang menghadapi masalah dari segi keuntungan dan aduan-aduan dari pelanggan tentang sataynya. Syarikat ini bercadang hendak menyelidik tentang masalah-masalah tersebut. Bincangkan bagaimana mereka patut membentuk proses penyelidikan pemasaran untuk Sate Ria.

(20 markah)

-oooo000ooo-